

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1997/98

SEPTEMBER 1997

RPK 321 - Perancangan Landskap

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** mukasurat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **SEMUA** soalan.

1. Penilaian Kesan Alam Sekeliling (EIA) adalah kajian untuk mengenalpasti, meramal, menilai dan memberi maklumat mengenai kesan-kesan kepada alam sekitar bagi sesuatu cadangan projek dan mengemukakan langkah-langkah tebatan sebelum projek berkenaan diluluskan dan dilaksanakan.

- (a) Bincangkan **Tiga (3)** peringkat prosedur utama EIA.
- (b) Mengapakah EIA diperlukan di Malaysia dan aktiviti-aktiviti manakah yang tertakluk kepada EIA?
- (c) Bagaimanakah Laporan EIA diproses dan diberi kelulusan?

(20 markah)

2. Ian McHang menggunakan beberapa kaedah analisis dalam perancangan Landskap. '*Transparent Overlay Technique*' adalah salah satu daripada kaedah tersebut.

- (a) Bincangkan kaedah '*Transparent Overlay Technique*' dengan merujuk kepada projek yang dikaji dan direkabentuk oleh beliau.
- (b) Namakan kaedah-kaedah analisis yang lain yang boleh digunapakai dalam perancangan landskap.
- (c) Bincangkan konsep 'Ecological Determinism'.

(20 markah)

3. Penilaian dalam Perancangan Landskap adalah penting. Ianya penting kerana tanpa penilaian, keberkesanan perancangan landskap tidak akan dapat dinilai secara komprehensif.
- (a) Bincangkan Lima proses yang perlu diikuti dalam menggerakkan aktiviti penilaian dalam Perancangan Landskap.
 - (b) Nyatakan Enam metodologi penilaian yang boleh digunakan.
 - (c) Nyatakan Empat kaedah '*Expert Judgement*' dan bincangkan secara terperinci salah satu kaedah tersebut.

(20 markah)

4. Bincangkan bagaimana sesuatu projek pembangunan landskap dijalankan oleh sebuah juru perunding landskap.

Jawapan anda perlu merangkumi aspek-aspek berikut:-

- (a) Inventori dan Analisis
- (b) Konsep dan Penyediaan Pelan
- (c) Jenis-jenis Pelan Pembangunan Landskap
- (d) Dokumen Kontrak
- (e) Prosedur Profesional

(20 markah)

5. Terdapat banyak spesis tumbuhan yang boleh dijadikan sebagai tanaman hiasan untuk sesuatu projek landskap.

- (a) Berpandukan kepada pengamatan dan pengalaman anda, nyatakan sekurang-kurangnya 10 spesis tiap-tiap komponen berikut:-
 - (i) Pokok Teduhan
 - (ii) Pokok Hiasan yang berbunga
 - (iii) Pokok Hiasan yang berbau wangi
 - (iv) Pokok Semak Perdu
 - (v) Pokok Renek/Penutup Bumi

Spesis-spesis yang diberikan mesti dalam nama Botanikal.

(20 markah)

-oo000oo-